

Bahasa Asing Pilihan Pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP): Trend dan Faktor Penentu

**Sareepa Jearwae, Zaleha Mat Aman, Aina Husnina Hanizan, Nurul Najihah Ramlan, Safinur Chin,
dan Mohd Fikri Aiman Mohd Zulkefli**

Universiti Malaysia Perlis

sareepa@unimap.edu.my, zaleha.m@unimap.edu.my, ainahusnina@unimap.edu.my,
nurulnajihah@unimap.edu.my, safinur@unimap.edu.my, fikriaiman@unimap.edu.my

ABSTRAK

Pemilihan bahasa asing dalam kalangan pelajar universiti dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk kepentingan akademik, prospek kerjaya, minat peribadi dan pengaruh globalisasi. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis trend pemilihan bahasa asing dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi keputusan mereka. Menggunakan kaedah tinjauan kuantitatif, data diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar yang mengambil kursus bahasa asing di UniMAP. Data analisis menunjukkan bahawa bahasa Jepun, Mandarin dan Jerman merupakan antara bahasa asing yang paling diminati berbanding bahasa lain iaitu bahasa Thai, bahasa Arab dan bahasa Korea, dengan faktor dominan seperti keperluan industri, minat terhadap budaya asing, serta keinginan untuk melanjutkan pengajian atau bekerja di luar negara. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai motivasi pelajar dalam memilih bahasa asing serta membantu institusi pendidikan dalam merangka kurikulum bahasa yang lebih efektif dan relevan.

Kata kunci: Pemilihan bahasa asing, pelajar UniMAP, trend, faktor penentu, motivasi

ABSTRACT

The selection of foreign languages among university students is influenced by various factors, including academic importance, career prospects, personal interest, and the impact of globalization. This study aims to analyze the trend of foreign language selection among students at Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) and to identify the main factors influencing their decisions. Using a quantitative survey method, data were collected through questionnaires distributed to students enrolled in foreign language courses at UniMAP. Data analysis showed that Japanese, Mandarin, and German are among the most preferred foreign languages compared to others such as Thai, Arabic, and Korean, with dominant factors including industry demands, interest in foreign cultures and the desire to pursue further studies or work abroad. The findings of this study are expected to provide clearer insights into students' motivations for choosing foreign languages and assist educational institutions in designing more effective and relevant language curricula.

Keywords: Foreign language selection, UniMAP students, trend, determining factors, motivation

PENGENALAN

Kemahiran berbahasa asing semakin menjadi keperluan penting dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi khususnya dalam era globalisasi yang menuntut daya saing di peringkat antarabangsa. Bagi pelajar universiti, penguasaan bahasa asing bukan sahaja membuka peluang dalam pasaran kerja global malah memperluas akses kepada ilmu, budaya dan jaringan antarabangsa. Di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), pelajar diberi peluang mempelajari pelbagai bahasa asing sebagai sebahagian daripada pembangunan sahsiah dan kemahiran

insaniah. Namun, pemilihan bahasa asing dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti keperluan akademik, prospek kerjaya, minat peribadi dan tarikan budaya. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis trend pemilihan bahasa asing di UniMAP serta mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi pilihan tersebut. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan dalam perancangan kurikulum dan strategi pengajaran bahasa asing yang lebih relevan dan berkesan.

SOROTAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada trend dan faktor penentu dalam pemilihan bahasa asing dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Sorotan kajian ini dibahagikan mengikut tiga tema utama berdasarkan objektif kajian iaitu trend pemilihan bahasa asing, faktor yang mempengaruhi pemilihan dan implikasi terhadap penawaran kursus bahasa asing di institusi pengajian tinggi.

Trend Pemilihan Bahasa Asing Dalam Kalangan Pelajar Universiti

Beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa bahasa seperti Jepun, Mandarin dan Arab sering menjadi pilihan utama pelajar universiti di Malaysia. Menurut Yaacob et al. (2020), pelajar lebih cenderung memilih bahasa asing yang dikaitkan dengan negara maju dan peluang pekerjaan yang tinggi. Kajian oleh Lim dan Wong (2018) pula mendapati bahawa trend pemilihan bahasa asing turut dipengaruhi oleh paparan budaya melalui media seperti anime, drama dan muzik terutama dalam kes bahasa Jepun dan Korea.

Selain itu, menurut laporan oleh Bahagian Pendidikan Tinggi (2019), peningkatan minat terhadap bahasa Mandarin dan Jerman juga berkait rapat dengan kerjasama pendidikan dan ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Trend ini menunjukkan wujudnya kaitan rapat antara pemilihan bahasa asing dengan faktor geopolitik dan kerjasama antarabangsa.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Bahasa Asing

Pemilihan bahasa asing oleh pelajar lazimnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Dalam kajian oleh Hamzah dan Rahim (2017), minat terhadap budaya asing dan pendedahan awal kepada bahasa tersebut merupakan antara faktor utama. Faktor prospek kerjaya pula turut memainkan peranan penting seperti yang dibuktikan dalam kajian oleh Tan dan Hashim (2021) yang mendapati bahawa pelajar cenderung memilih bahasa yang dikaitkan dengan peluang pekerjaan dalam dan luar negara.

Selain itu, faktor akademik seperti keperluan untuk melengkapkan kredit elektif atau syarat pengijazahan juga menjadi pendorong terutama apabila kursus bahasa asing ditawarkan sebagai subjek elektif teras. Kajian oleh Musa dan Zaini (2020) menyatakan bahawa struktur kurikulum dan kemudahan pembelajaran seperti tenaga pengajar berpengalaman turut mempengaruhi pemilihan pelajar.

Implikasi Terhadap Penawaran Kursus Bahasa Asing Di Institusi Pengajian Tinggi

Sorotan terhadap kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa pemahaman terhadap pilihan pelajar boleh membantu institusi dalam menyesuaikan penawaran kursus agar lebih relevan dan responsif terhadap keperluan semasa. Menurut Karim dan Ismail (2019), penawaran kursus bahasa asing harus berpaksikan kepada permintaan pelajar, kebolehpasaran graduan dan kerjasama strategik dengan industri.

Kajian oleh Lee (2022) pula mencadangkan agar pihak universiti menyediakan pelbagai bentuk pendekatan pengajaran yang interaktif dan berasaskan teknologi untuk menarik minat pelajar terhadap bahasa asing serta membuka ruang kepada mereka untuk mengaplikasikan kemahiran bahasa dalam konteks sebenar.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian menunjukkan bahawa trend pemilihan bahasa asing dalam kalangan pelajar universiti dipengaruhi oleh gabungan faktor dalaman (minat dan motivasi) dan factor luaran (peluang kerjaya, budaya popular, struktur kurikulum). Penemuan daripada kajian terdahulu memberikan asas yang kukuh untuk meneroka lebih lanjut pilihan pelajar UniMAP secara kontekstual sekaligus menyumbang kepada perancangan strategik dalam pendidikan bahasa asing di peringkat institusi.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui bahasa asing yang paling diminati oleh pelajar UniMAP.

Objektif ini bertujuan mendapatkan gambaran jelas tentang bahasa asing pilihan utama pelajar berdasarkan jumlah pengambilan serta pola pemilihan mengikut program, tahun pengajian dan latar belakang pelajar.

2. Menganalisis faktor utama yang mempengaruhi pemilihan bahasa asing oleh pelajar.

Objektif ini meneliti pelbagai faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa asing termasuk akademik, kerjaya, minat, budaya popular dan perancangan masa depan, serta mengenal pasti faktor paling dominan dalam kalangan pelajar UniMAP.

3. Memberikan cadangan kepada pihak universiti dalam menambahbaik penawaran kursus bahasa asing.

Objektif ini bertujuan mencadangkan langkah strategik kepada UniMAP bagi memperkukuh penawaran kursus bahasa asing agar lebih efektif, relevan dan selari dengan kehendak pelajar serta keperluan pasaran kerja.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang bertujuan untuk mengumpulkan dan menganalisis data secara sistematik bagi mengenal pasti trend pemilihan bahasa asing dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan tersebut dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian tinjauan deskriptif yang sesuai untuk meneroka pandangan, kecenderungan dan motivasi pelajar terhadap pengambilan kursus bahasa asing di peringkat universiti.

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik berstruktur. Soal selidik ini dibuat berdasarkan objektif kajian dan merangkumi tiga bahagian utama iaitu:

- a) Bahagian A: Menumpukan kepada jenis bahasa asing yang diambil oleh pelajar serta tahap minat mereka terhadap bahasa tersebut.
- b) Bahagian B: Memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa asing, termasuk faktor akademik, prospek kerjaya, minat peribadi dan pengaruh budaya luar. Respon bagi bahagian ini menggunakan skala Likert bagi membolehkan analisis secara kuantitatif.

- c) Bahagian C: Pandangan pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing termasuk cabaran yang dihadapi serta cadangan untuk penambahbaikan pembelajaran bahasa asing di universiti.

Koresponden kajian terdiri daripada pelajar UniMAP yang mengambil bahasa asing sebagai subjek elektif dan elektif teras. Teknik persampelan rawak mudah digunakan bagi memastikan setiap pelajar yang tergolong dalam populasi sasaran mempunyai peluang yang saksama untuk dipilih. Jumlah sampel adalah seramai 246 orang pelajar yang terlibat dalam kursus bahasa asing pada semester semasa. Sampel yang mencukupi adalah penting untuk memastikan kebolehpercayaan dapatan kajian.

Data dikumpulkan melalui edaran soal selidik secara dalam talian menggunakan platform Google Form. Pemantauan dari tenaga pengajar bahasa asing juga dilakukan bagi memastikan kadar respon yang tinggi serta memudahkan proses pengumpulan data. Tempoh pengumpulan data mengambil masa antara dua hingga empat minggu.

Data-data soal selidik akan diproses menggunakan Microsoft Excel. Analisis deskriptif seperti kekerapan, peratusan, dan min skor digunakan untuk mengenal pasti bahasa asing yang paling popular dan corak pemilihan pelajar. Selain itu, analisis inferensi seperti ujian korelasi atau regresi digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor yang dikenal pasti dengan pemilihan bahasa asing oleh pelajar.

Melalui pendekatan ini, kajian diharapkan dapat memberikan gambaran yang jelas dan menyeluruh mengenai trend dan faktor penentu dalam pemilihan bahasa asing dalam kalangan pelajar UniMAP serta menyumbang kepada penambahbaikan dalam penyediaan program bahasa asing di peringkat universiti.

ANALISIS DATA KAJIAN

Jadual 1 Kursus bahasa Asing yang menjadi pilihan pelajar UniMAP

Kursus Bahasa Asing	Bilangan Pelajar	Nilai Peratusan (%)
Bahasa Jepun	82	33.3
Bahasa Mandarin	66	26.8
Bahasa Korea	3.1	1.2
Bahasa Arab	25	10.2
Bahasa Jerman	47	19.1
Bahasa Thai	34	13.8

Dapatan kajian menunjukkan bilangan pelajar UniMAP yang mengikuti kursus bahasa asing dan nilai peratusan bagi setiap bahasa yang ditawarkan berdasarkan Jadual 1. Bahasa Jepun mencatat bilangan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 33.3% menjadikannya bahasa asing yang paling popular dalam kalangan pelajar. bahasa Mandarin pula berada di tempat kedua dengan peratusan sebanyak 26.8%, diikuti dengan bahasa Jerman dengan 19.1%. Seterusnya, bahasa Arab juga dipilih oleh 10.2% pelajar manakala bahasa Arab mendapat sebanyak 13.8%. Bahasa asing yang mempunyai nilai peratusan pelajar terendah adalah bahasa Korea iaitu hanya sebanyak 1.2%. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar UniMAP cenderung memilih kursus bahasa asing dari bahasa-bahasa Asia Timur seperti bahasa Jepun dan bahasa Mandarin berbanding bahasa-bahasa yang lain.

Jadual 2 Kaedah pembelajaran bahasa Asing yang digunakan oleh pelajar UniMAP

Kaedah	Bilangan Pelajar	Nilai Peratusan (%)
Kelas formal di universiti	236	95.9
Pembelajaran sendiri (YouTube, aplikasi seperti Duolingo, dsb)	158	64.2
Kelab bahasa/aktiviti kokurikulum	10	4.1
Belajar bersama rakan	110	44.7
Lain-lain	8	3.3

Jadual 2 menunjukkan kaedah utama pembelajaran bahasa Asing bagi pelajar di UniMAP dan pelajar dibenarkan untuk memilih lebih daripada satu jawapan bagi soalan bahagian ini. Dapatan kajian mendapati bahawa kaedah utama yang tertinggi digunakan dalam mempelajari bahasa asing adalah melalui kelas formal di universiti, dengan peratusan tertinggi iaitu 95.9%. Kebergantungan kepada kelas formal mencerminkan kepercayaan pelajar terhadap keberkesanan pendekatan yang berstruktur dan sistematik dalam penguasaan bahasa, kerana ia menyediakan persekitaran pembelajaran yang terkawal dan bimbingan langsung daripada tenaga pengajar.

Sementara itu, 64.2% pelajar menggunakan kaedah pembelajaran sendiri melalui platform digital, mencerminkan peningkatan literasi teknologi serta keinginan untuk belajar secara fleksibel mengikut kadar sendiri. Sebanyak 44.7% pelajar memilih pembelajaran secara kolaboratif bersama rakan, yang menunjukkan bahawa interaksi sosial masih menjadi aspek penting dalam memperkukuh kemahiran komunikasi. Namun, kaedah seperti penyertaan dalam aktiviti kokurikulum (3.8%) dan lain-lain (3.0%) mencatatkan peratusan yang rendah, menunjukkan kemungkinan kekangan dari segi masa, pendedahan, atau kurangnya kesedaran terhadap potensi pembelajaran tidak formal dalam pembangunan kecekapan bahasa.

Hal ini menunjukkan bahawa pelajar lebih gemar menggunakan pendekatan pembelajaran yang formal dan disokong teknologi berbanding pendekatan tidak formal atau luar bilik darjah, selari dengan trend pembelajaran moden yang menekankan kepelbagaian sumber dan fleksibiliti.

Jadual 3 Kekerapan pelajar menggunakan bahasa asing

Kekerapan	Nilai Peratusan (%)
Setiap hari	6.5
Beberapa kali seminggu	49.6
Jarang	35.4
Tidak pernah	8.5

Jadual 3 menunjukkan kekerapan pelajar menggunakan bahasa asing berdasarkan empat kategori, iaitu setiap hari, beberapa kali seminggu dan tidak pernah. Dapatan menunjukkan bahawa 49.6% pelajar menggunakan bahasa asing secara beberapa kali seminggu dan seramai 6.5% menggunakannya pada setiap hari, mencerminkan tahap pendedahan yang sederhana dan berpotensi meningkatkan kemahiran bahasa. Walau bagaimanapun, seramai 35.4% pelajar masih jarang menggunakannya, manakala terdapat 8.5% langsung tidak menggunakannya, menunjukkan keperluan kepada program sokongan dan galakan yang lebih meluas. Penggunaan harian yang rendah pula mencadangkan bahawa hanya sebilangan kecil pelajar berada dalam persekitaran yang menyokong penggunaan aktif bahasa asing. Secara keseluruhan, meskipun terdapat tanda-tanda positif terhadap penggunaan bahasa asing, inisiatif tambahan amat

diperlukan untuk meningkatkan kekerapan dan keberkesanan penggunaannya dalam kalangan pelajar.

Jadual 4 Tahap penguasaan bahasa asing pelajar

Tahap penguasaan	Nilai Peratusan (%)
Sangat tinggi	24.0
Tinggi	45.9
Sederhana	28.0
Rendah	2.1

Berdasarkan Jadual 4, tahap penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar menunjukkan bahawa peratusan tertinggi berada pada kategori 'tinggi' iaitu dengan nilai peratusan sebanyak 45.9%, manakala peratusan terendah direkodkan pada tahap 'rendah' iaitu hanya 2.1%. Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar memiliki tahap penguasaan bahasa asing yang baik, manakala hanya segelintir yang berada pada tahap rendah. Keadaan ini mencerminkan satu trend positif dalam penguasaan bahasa asing yang mungkin dipengaruhi oleh minat, pendedahan awal atau keperluan akademik dan profesional.

Faktor Penentu Pilihan Bahasa Asing

Jadual 5 Faktor utama pemilihan bahasa asing

Faktor pemilihan	Nilai Peratusan (%)
Minat peribadi terhadap bahasa & budaya negara tersebut	68.7
Keperluan kursus akademik	47.2
Peluang kerjaya masa hadapan	58.1
Pengaruh rakan sebaya / senior (universiti tempatan, penutur asli)	22.0
Pengaruh media (drama, muzik, filem, animasi)	36.2
Ingin melancong ke negara tersebut)	47.6
Faktor pengajar bahasa	11.4
Galakan keluarga	12.2
Lain-lain	2.8

Berdasarkan Jadual 5, faktor yang paling dominan dalam pemilihan bahasa asing oleh pelajar ialah minat peribadi terhadap bahasa dan budaya negara tersebut dengan peratusan tertinggi iaitu 68.7%. Ini menunjukkan bahawa kecenderungan dalaman pelajar memainkan peranan yang sangat besar dalam membuat keputusan berkaitan bahasa asing. Diikuti dengan nilai purata iaitu bagi faktor peluang kerjaya masa hadapan mencatatkan nilai peratusan sebanyak 58.1%, menjadikannya faktor purata tertinggi dalam kalangan faktor lain. Hal ini menandakan bahawa pelajar turut mempertimbangkan manfaat jangka panjang dalam aspek profesional ketika memilih bahasa asing. Sementara itu, faktor lain-lain menunjukkan peratusan paling rendah iaitu hanya 2.8%, mencerminkan bahawa pengaruh luar daripada senarai faktor utama adalah sangat minimum dan tidak signifikan dalam membuat keputusan.

Jadual 6 Bentuk sokongan yang membantu dalam pembelajaran bahasa asing

Bentuk sokongan	Nilai Peratusan (%)
Pensyarah yang berdedikasi	87.0
Rakan sebaya yang turut belajar	67.1
Bahan bantu mengajar yang interaktif	72.4
Peluang berinteraksi dengan penutur asli	30.9
Aktiviti luar bilik darjah (kelab, pertandingan, dll.)	10.6
Lain-lain	1.6

Berdasarkan Jadual 6 yang memaparkan bentuk sokongan yang membantu dalam pembelajaran bahasa asing, dapatan kajian menunjukkan bahawa sokongan paling tinggi adalah daripada *pensyarah yang berdedikasi* dengan nilai peratusan sebanyak 87%, manakala bentuk sokongan yang paling rendah ialah kategori *lain-lain* dengan hanya 1.6%. Hal ini menunjukkan bahawa peranan pensyarah sangat penting dan diiktiraf oleh pelajar dalam menyokong proses pembelajaran bahasa asing, berbanding bentuk sokongan luar yang tidak spesifik dan dianggap kurang memberi impak. Keputusan ini menekankan keperluan terhadap komitmen dan penglibatan aktif pensyarah dalam memperkukuh pengalaman pembelajaran pelajar.

Jadual 7 Manfaat pembelajaran bahasa asing

Skala persetujuan	Penyertaan program mobiliti	Interaksi dengan pelajar antarabangsa	Bekerja di luar negara
Ya	81.7	83.3	73.2
Tidak pasti	13.8	11.8	19.5
Tidak	4.5	4.9	7.3

Berdasarkan Jadual 7 yang memaparkan manfaat pembelajaran bahasa asing, dapatan kajian menunjukkan bahawa peratusan tertinggi adalah dalam pernyataan Interaksi dengan pelajar antarabangsa dengan persetujuan yang paling iaitu sebanyak 83.3%. Ini menggambarkan bahawa majoriti besar responden bersetuju bahawa penguasaan bahasa asing memainkan peranan penting dalam memudahkan komunikasi serta menjalin hubungan dengan pelajar antarabangsa. Ini juga menunjukkan bahawa kemahiran bahasa asing mampu membuka ruang interaksi lintas budaya yang lebih luas, sekaligus memperkukuhkan kefahaman antarabangsa dalam kalangan pelajar. Selain itu, seramai 7.3% pelajar tidak bersetuju bahawa pembelajaran bahasa asing dapat membantu untuk bekerja di luar negara mungkin di atas faktor pembelajaran hanya berada di tahap asas sahaja dalam masa yang terhad walaupun pada hakikatnya pembelajaran sesuatu bahasa itu satu proses yang panjang dan memerlukan pengalaman penggunaannya dalam kehidupan seharian yang berterusan jadi tidak mustahil bagi seseorang untuk menguasainya bagi tujuan bekerja di luar negara. Dapatan ini secara keseluruhannya memperkukuh hujah bahawa penguasaan bahasa asing amat penting dalam konteks globalisasi dan persekitaran pembelajaran yang bersifat antarabangsa.

Jadual 8 Persepsi pelajar terhadap keperluan pembelajaran bahasa asing

Skala persetujuan	Pembangunan diri	Minat terhadap budaya	Memberi nilai tambah/ meningkatkan peluang kerjaya	Pengaruh media	Keperluan sebagai kursus elektif universiti
Sangat Tidak Setuju	0.0	0.8	0.4	1.6	1.6
Tidak Setuju	0.0	1.2	0.0	6.1	2.8
Tidak Pasti	6.1	12.6	6.1	27.6	22.8
Setuju	47.2	41.9	44.7	35.0	32.1
Sangat Setuju	46.7	43.5	48.8	29.7	40.7

Berdasarkan Jadual 8 yang memaparkan persepsi pelajar terhadap keperluan pembelajaran bahasa asing, data tertinggi dicatatkan pada pernyataan di mana ramai pelajar sangat bersetuju bahawa pembelajaran bahasa asing dapat memberi nilai tambah dan meningkatkan peluang kerjaya seseorang iaitu sebanyak 48.8%. Ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada pelajar menganggap penguasaan bahasa asing sebagai satu kelebihan penting dalam meningkatkan kebolehpasaran dan prospek kerjaya mereka. Walaupun begitu, 1.6% pelajar sangat tidak bersetuju bahawa pembelajaran bahasa asing adalah disebabkan oleh pengaruh media. Selain itu, seramai 1.6% pelajar juga tidak bersetuju tentang keperluan kursus bahasa asing sebagai kursus elektif universiti.

Walaupun peratusan ini adalah kecil, ia memberikan isyarat bahawa terdapat segelintir pelajar yang tidak melihat pembelajaran bahasa asing sebagai suatu keperluan yang dipengaruhi oleh media atau sebagai satu keperluan dalam kurikulum universiti. Dalam konteks pengaruh media, perkara ini mungkin disebabkan oleh perbezaan minat terhadap kandungan media antarabangsa atau kurangnya pendedahan kepada media berbahasa asing.

Manakala dalam kategori keperluan kursus bahasa asing sebagai kursus elektif universiti pula, pandangan ini mungkin timbul daripada pelajar yang lebih memfokuskan kepada kursus teras bidang pengajian mereka dan tidak melihat bahasa asing sebagai satu keperluan segera. Walau bagaimanapun, peratusan yang rendah ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar sebenarnya cenderung untuk mengiktiraf kepentingan bahasa asing, dan mereka yang sangat tidak bersetuju hanyalah sebilangan kecil yang mewakili pandangan minoriti.

Dapatan ini secara keseluruhannya menggambarkan kesedaran tinggi dalam kalangan pelajar terhadap nilai pembelajaran bahasa asing dalam pembangunan profesional pada masa depan.

Cabaran Dalam Penguasaan Bahasa Asing

Dalam penguasaan bahasa asing, pelajar berhadapan dengan pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan proses pembelajaran mereka. Antara cabaran utama yang dikenal pasti bagi majoriti pelajar ialah kesukaran dalam mengingat sistem tulisan, terutamanya bagi bahasa yang mempunyai sistem tulisan tersendiri seperti tulisan bahasa Jepun, Mandarin, Korea, Arab dan Thai.

Sistem tulisan yang kompleks, berbeza sepenuhnya daripada abjad Rumi, memerlukan ingatan visual yang kuat serta latihan berterusan, menjadikannya satu halangan besar dalam proses penguasaan. Sebagai contohnya bagi bahasa Jepun, selain mempunyai sistem tulisan tersendiri, bahasa ini juga mempunyai tiga jenis tulis iaitu Hiragana, Katakana dan Kanji di mana setiap jenis

tulisan mengandungi karakter yang berbeza yang terdiri daripada karakter asas dan karakter yang diubah suai. Bagi karakter Kanji pula, terdapat lebih daripada 50,000 karakter dan setiap karakter mempunyai lebih dari satu sebutan yang menjadikan ia menjadi cabaran utama dalam penguasaan bahasa Jepun.

Selain itu, terdapat juga pelajar yang menyatakan bahawa sebutan merupakan cabaran utama dalam menguasai bahasa asing tertentu seperti bahasa Mandarin, Thai dan Jerman. Ini berlaku kerana beberapa bahasa mempunyai nada dan sistem fonetik yang unik atau bunyi- bunyi yang tidak wujud dalam bahasa ibunda pelajar, menyebabkan kesukaran dalam menyebut perkataan dengan tepat mengikut makna yang ingin disampaikan.

Secara keseluruhan, aspek tulisan dan sebutan merupakan dua elemen linguistik yang sering menjadi penghalang utama dalam pembelajaran bahasa asing.

KESIMPULAN

Pelajar UniMAP mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa asing. Antara cadangan utama ialah penambahan jam kredit kursus bagi memastikan pendedahan mencukupi kepada bahasa sasaran, penyediaan latihan interaktif bagi meningkatkan motivasi serta peluang berinteraksi dengan penutur asli melalui program mobiliti. Mereka juga mencadangkan agar kursus ditawarkan mengikut tahap kecekapan pada setiap semester untuk memastikan pembelajaran yang berstruktur dan progresif. Cadangan-cadangan ini sejajar dengan teori pemerolehan bahasa kedua dan pembelajaran kontekstual.

Hasil soal selidik yang diberikan juga menunjukkan bahawa pelaksanaan program pertukaran pelajar atau lawatan ke luar negara, mencerminkan kepentingan pendedahan autentik dalam penguasaan bahasa dan pemahaman budaya. Cadangan-cadangan yang diberikan oleh responden sejajar dengan teori pemerolehan bahasa kedua dan pendekatan pembelajaran berasaskan konteks sebenar yang menekankan input mencukupi, interaksi bermakna dan pengalaman langsung dalam persekitaran bahasa sasaran.

BIBLIOGRAFI

- Bahagian Pendidikan Tinggi. (2019). *Laporan tahunan pendidikan tinggi Malaysia 2019*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hamzah, N., & Rahim, S. (2017). Faktor pemilihan bahasa asing dalam kalangan pelajar universiti awam. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 7(2), 45–58.
- Karim, N., & Ismail, R. (2019). Strategi penawaran kursus bahasa asing di IPT: Satu kajian kes. *Jurnal Pengajian Tinggi*, 13(1), 33–48.
- Lee, C. Y. (2022). Teknologi dalam pengajaran bahasa asing: Cabaran dan potensi di universiti Malaysia. *Jurnal Teknologi Pendidikan Asia*, 8(1), 21–36.
- Lim, H. Y., & Wong, K. T. (2018). Cultural influence on foreign language learning among university students in Malaysia. *International Journal of Language Education*, 4(3), 12–25.
- Musa, M., & Zaini, R. (2020). Kurikulum dan pemilihan bahasa asing dalam kalangan pelajar IPT. *Jurnal Kurikulum Malaysia*, 10(2), 51–67.
- Tan, L. C., & Hashim, A. (2021). Employment prospects and language choice among Malaysian undergraduates. *Malaysian Journal of Language and Society*, 15(2), 89– 104.
- Yaacob, M., Ahmad, S., & Lim, F. (2020). Foreign language preferences among Malaysian university students: Trends and implications. *Asian Journal of Education and Social Studies*, 11(4), 102–117.